

23/12/2001

MCA kemuka 4 nama untuk dipilih

KANGAR: MCA mengemukakan empat nama untuk dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, semua nama itu adalah pemimpin tempatan berwibawa dan mampu membawa kemenangan kepada BN.

Senarai nama itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pertimbangan, katanya selepas bertemu pemimpin MCA negeri mewakili tiga bahagian MCA Perlis iaitu Padang Besar, Arau dan Kangar di sini, malam semalam.

Timbalan Pengerusi MCA negeri, Loh Yoon Foo, yang juga Pengerusi MCA bahagian Padang Besar turut hadir.

Difahamkan, empat nama yang disebut-sebut ialah Ketua Wanita MCA negeri yang juga Ketua MCA bahagian Arau, Ooi Ah Lan; Naib Pengerusi MCA bahagian Kangar, Steven Lee Ren Chuan; Setiausaha MCA negeri, Tan Kok Kheng dan ahli jawatankuasa MCA bahagian Kangar, Ch'ng Ban San.

Shahidan yang juga Pengerusi BN negeri mengulangi keyakinan bahawa Indera Kayangan akan kekal di tangan BN berdasarkan perkembangan semasa, termasuk penyertaan ramai anggota Pas ke dalam Umno.

Pilihan raya kecil kerusi itu diadakan ekoran kematian Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Khor Liang Tee, Rabu lalu.

Pilihan raya kecil itu dijangka menyaksikan pertembungan di antara calon MCA dan Keadilan.

Sementara itu, Shahidan berkata beliau akan berkongsi tanggungjawab dengan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Taib, dalam menghadapi pilihan raya kecil itu.

Shahidan, yang juga pengarah pilihan raya Barisan Nasional (BN) bagi kawasan itu, berkata Muhammad akan menjadi pengarah bersama bagi pilihan raya kecil itu.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa Muhammad dilantik sebagai pengarah pilihan raya Umno pusat bagi kawasan DUN Indera Kayangan.

Shahidan berkata beliau dan Muhammad boleh menyatupadukan tenaga bagi membantu kemenangan cemerlang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil itu.

(END)